



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

SEBUAH SYARIKAT BERSAMA EMPAT PENGARAH DIDAKWA ATAS KESALAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM

PUTRAJAYA, 28 OKTOBER 2023 – Sebuah syarikat bersama empat (4) orang pengarahnya, telah didakwa di **Mahkamah Sesyen Georgetown, Pulau Pinang** pada **18 Oktober 2023** yang lalu atas pertuduhan pengubahan wang haram berjumlah melibatkan nilai keseluruhan **RM20.3 juta** di antara **Januari 2019** sehingga **Disember 2022**.

2. Sebanyak keseluruhan 94 pertuduhan telah dibacakan terhadap tertuduh-tertuduh. Syarikat **Quinton Group Sdn. Bhd.** bersama empat (4) orang pengarahnya iaitu **Tan Kwong Yeow berumur 35 tahun, Ooi Chuen Chie berumur 35 tahun, Lim Shing Yee berumur 31 tahun dan Seow Ming Cjoy berumur 32 tahun** merekodkan pengakuan tidak bersalah ke atas pertuduhan yang dibacakan di hadapan Hakim, Tuan Mazdi bin Abdul Hamid. Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwaraya Puan Noor Zalizan binti Lazarous dan Puan Wan Nur Amanina binti Wan Din.

3. Kesemua tertuduh didakwa telah menerima wang yang disyaki merupakan hasil pengubahan wang haram berjumlah **RM2.08 juta** daripada sebuah akaun semasa milik **Quinton Group Sdn. Bhd.** bagi tempoh tahun **2019 sehingga 2022**. Kesemua pengarah syarikat itu turut dituduh kerana telah menggunakan wang hasil aktiviti haram berjumlah **RM168,681.00** untuk memperoleh lapan (8) buah kenderaan mewah sepanjang tempoh tersebut.

4. Setelah mendengar permohonan TPR dan rayuan peguam, telah menetapkan jumlah jaminan keseluruhan ke atas kesemua tertuduh sebanyak **RM1,748,000.00**. Walaubagaimanapun, peguam tertuduh telah mengemukakan rayuan berhubung kaedah pembayaran wang jaminan kerana melibatkan nilai yang

besar. Mahkamah kemudiannya membenarkan kaedah pembayaran wang jaminan sebanyak dua (2) kali iaitu sebanyak **RM80,000.00 setiap seorang** pada tarikh pertuduhan manakala selebihnya pada 23 Oktober 2023 dengan seorang penjamin bagi setiap tertuduh.

5. Mahkamah juga menetapkan syarat tambahan kepada semua tertuduh untuk melaporkan diri di balai polis pada setiap bulan, pasport diserahkan kepada Mahkamah dan larangan mengganggu saksi dalam apa jua cara. Sekiranya tertuduh melanggar mana-mana syarat tersebut maka jaminan akan dibatalkan. Mahkamah telah menetapkan tarikh **1 Disember 2023** bagi sebutan semula kes dan serahan dokumen.

6. Kesemua tertuduh didakwa di bawah **Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001** [Akta 613]. Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima belas tahun dan juga boleh didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan itu atau lima juta ringgit, yang mana lebih tinggi. Bagi harta-harta yang dibuktikan terlibat dengan pengubahan wang haram juga boleh dilucutahak dan dijadikan hasil kepada Kerajaan Malaysia.

**YBHG. DATUK AZMAN BIN ADAM,
KETUA PENGARAH PENGUAT KUASA,
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP,
PUTRAJAYA, 28 OKTOBER 2023.**

###

LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam Negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidaktentuan. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampung sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agenzi di bawah KPDN:



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA



Perbadanan Harta Intelek Malaysia
Intellectual Property Corporation of Malaysia



SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA
MALAYSIA COMPETITION COMMISSION